

26/07/1997

Mahkamah tangguh kes Ikatan Rapi

AMPANG, Jumaat - Mahkamah Tengah di sini menangguhkan perbicaraan kes pemaju perumahan, Projek Ikatan Rapi Sdn Bhd, yang didakwa gagal mematuhi peruntukan Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) dalam projek perumahan Ukay Perdana, Hulu Klang kepada 8 Ogos ini.

Hakim Hue Siew Kheng menetapkan tarikh itu selepas peguam yang mewakili Ikatan Rapi, Muhammad Shafie Abdullah, memohon tarikh sebutan lain selama tiga minggu kerana pihaknya memerlukan masa untuk berbincang dengan pendakwa.

Menurutnya, besar kemungkinan kes terbabit tidak perlu diteruskan untuk perbicaraan pada tarikh yang akan datang.

Pendakwaan kes dilakukan Pegawai Pendakwa daripada Jabatan Alam Sekitar Selangor Khiruddin Mohd Idris.

Ikatan Rapi didakwa di mahkamah pada 6 Jun lalu selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat kegiatan pembukaan tanah besar-besaran di Selangor.

Perkara itu dibangkitkan selepas Dr Mahathir melihat sendiri pembukaan tanah secara besar-besaran di kawasan berbukit di Hulu Klang, ketika dalam penerbangan pulang dari Taman Negara pada Mac lalu.

Ikatan Rapi yang diwakili Pengarah Suhaimy Husin didakwa tiga tuduhan tidak memberi bukti yang cukup kepada syarat nombor 9, 11 dan 12 dalam lampiran bagi mendapat kelulusan laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling.

Syarat nombor 9 yang didakwa tidak dipatuhi Ikatan Rapi ialah bentuk muka bumi (topografi) dan pokok-pokok di kawasan terbabit hendaklah seboleh-bolehnya dikekalkan.

Syarat nombor sebelas ialah cerun hendaklah direkabentuk dan disenggara dengan baik bagi memastikan kestabilannya manakala syarat ke-12, kolam perangkap mendap dan sistem saliran untuk menyalurkan air larian permukaan hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum kerja pembukaan tanah dijalankan.

Ikatan Rapi didakwa mengikut Seksyen 34(A)(7) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996) yang boleh membawa hukuman maksimum denda RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya.

Pindaan akta itu dua tahun lalu menetapkan, kecerunan bukit antara lima hingga 20 darjah sebagai selamat, 20 hingga 30 darjah (berbahaya) dan 30 darjah seterusnya sebagai kritikal.

(END)